

Tak perlu buka jabatan khusus

» *Hak, kepentingan lelaki perlu diperbanyak*

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my

► **Putrajaya**

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hanya perlu menukar perkataan 'Wanita' kepada 'Gender' tanpa perlu membuka jabatan khusus bagi menjaga hal ehwal lelaki, terutama suami mangsa deraan isteri.

Tanpa mengulas lanjut mengenai pertukaran perkataan itu, Menteriya, Datuk Seri Rohani Abdul Karim, berkata apa yang penting ialah program mengenai hak dan kepentingan golongan lelaki, susulan peningkatan kes perceraian disebabkan suami didera isteri perlu diperbanyakkan.

"Saya ingin tegaskan bahawa perancangan, pelaksanaan dasar dan gerak kerja kementerian ini menjurus untuk wanita serta lelaki. Kementerian tidak membatikn wanita sahaja, sebaliknya kita mampu tangani masalah dihadapi kedua-dua gender berke-naan.

"Semua yang kementerian buat menjurus untuk lelaki dan wanita kerana keluarga merangku-

“
Saya ingin tegaskan bahawa perancangan, pelaksanaan dasar dan gerak kerja kementerian ini menjurus untuk wanita serta lelaki. Kementerian tidak membatikn wanita sahaja”

Rohani Abdul Karim,
Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

mi ibu serta ayah. Dalam isu perlindungan kanak-kanak juga membabitkan kanak-kanak lelaki dan perempuan.

Kes buli suami

"Dalam kes membuli suami, Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 (Akta 521) adalah untuk semua dan isteri yang ganas boleh dikenakan tindakan," katanya pada sidang media selepas menghadiri perhimpunan bulanan kementeriannya, di sini semalam.

Yang turut hadir, timbalannya, Datuk Azizah Mohd Dun dan Datin Paduka Chew Mei Fun. Tambah Rohani, kementerian sudah adakan beberapa program khusus untuk lelaki bagi mendengar masalah mereka sejak 2014.

Sebelum ini, Pensyarah Ku-

liah Undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Madya Dr Sham-rahayu Abdul Aziz, menyarankan penubuhan jabatan khusus untuk lelaki.

Ia dibuat susulan kajian pakar sosial Universiti Putra Malaysia (UPM) yang mendapati 23,800 kes perceraian dalam kalangan pasangan Islam di negara ini pada 2014 disebabkan penderaan mental dan psikologi dialami suami.

Selesa pilih moderator lelaki

Rohani menjelaskan, pihaknya pernah menggabungkan lelaki dan wanita dalam satu program, namun didapati keadaan menjadi tidak selesa untuk mereka meluahkan apa yang terpendam kerana lelaki lebih selesa berkongsi masalah dengan moderator atau pengantara lelaki.

Selain itu, katanya, talian Kasih boleh dihubungi sama ada lelaki atau perempuan, jika merasakan diri mereka teraniaya.